

10 NOVEMBER, 2023

KEPADA SEMUA PENGARANG BERITA

KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) melahirkan kebimbangannya terhadap tindakan membatalkan pas akhbar wartawan Harakah serta akreditasi akhbar itu.

Tindakan itu mesti mengambil kira kebijakan wartawan yang terlibat dalam pembatalan tag media.

NUJM bimbang wartawan terbabit tidak dibenarkan menjalankan tugas, tidak dibayar gaji sekali gus menjelaskan mata pencarian mereka.

NUJM memandang serius kekerapan tindakan keras yang dikenakan ke atas organisasi media dan kakitangannya sejak kebelakangan ini.

NUJM berpandangan adalah lebih baik kerajaan menyegerakan penubuhan Majlis Media Malaysia bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang dan nasib petugas media terbela.

Kementerian Komunikasi dan Digital harus bertemu dengan Jabatan Penerangan untuk mengkaji pembatalan tag media wartawan di Harakah Daily dan akreditasi penerbitan kerana ia telah menjelaskan demokrasi dan kebebasan akhbar yang diamalkan di Malaysia sejak kemerdekaannya.

Kami berharap Jabatan Penerangan mempunyai penjelasan mengapa kejadian ini berlaku.

Jika memang terdapat sebarang laporan palsu oleh penerbitan, tindakan selanjutnya hendaklah diambil mengikut undang-undang dan peraturan.

Bagi Pihak Ahli Jawatankuasa NUJ,



TEH ATHIRA MOHAMED YUSOF
Setiausaha Agung

